

PEGAWAI KEMENTERIAN LUAR DIGALAK IKUTI PENGAJIAN DI PERINGKAT LEBIH TINGGI

Foreign News | Berita Luar Negara | 05/11/2021 | Author: ROSMALIS ANUAR | Others

PUTRAJAYA, 5 Nov (Bernama) -- Pegawai Kementerian Luar digalak untuk terus meningkatkan kepakaran dan pengetahuan melalui program pengajian di peringkat lebih tinggi, kata Menteri Luar Datuk Saifuddin Abdullah.

Katanya, buat masa ini kumpulan pertama terdiri 16 pegawai Kementerian Luar sedang mengikuti Program Pensarjanaan Diplomat yang bertujuan meningkatkan kepakaran mereka.

Beliau berkata para pegawai kementerian itu sentiasa digalakkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi iaitu Sarjana atau Doktor Falsafah (PhD), sama ada di dalam atau luar negara, dalam pelbagai bidang khususnya yang berkaitan dengan kementerian.

Selain itu, katanya mereka juga digalakkan untuk mengikuti kursus pendek di universiti ternama atau program immersion.

“Kita kalau boleh mahu seramai mungkin tetapi ini bergantung kepada dana dan untuk pegawai-pegawai kerajaan biasanya (dana) daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan kita sangat berterima kasih permohonan kita untuk program ini dapat dilaksanakan,” katanya kepada pemberita pada majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2020 dan Jasamu Dikenang di Wisma Putra, di sini, Jumaat.

Seramai 113 pegawai dan kakitangan kementerian daripada pelbagai gred dan skim perkhidmatan telah menerima APC masing-masing manakala 31 lagi petugas bersara wajib di antara Nov 2020 hingga Sept 2021.

-- BERNAMA

TAG: Saifuddin Abdullah, Kementerian Luar, Program Pensarjanaan Diplomat, pegawai kerajaan

RMBA VMP AYU